



Headline: Pengurus syarikat rugi RM1.2 juta diperdaya Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia

Date: 21 April 2022

Section: Dalam Negeri

Page: 30

## Pengurus syarikat rugi RM1.2 juta diperdaya *Macau Scam*

**ALOR SETAR:** Seorang pengurus syarikat kerugian lebih RM1.2 juta setelah terperdaya dengan sindiket penipuan Macau Scam sejak Oktober tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintenden Elias Omar berkata, mangsa merupakan seorang wanita berusia 46 tahun dan berasal dari Kulim dekat sini.

Menurutnya, mangsa pada mulanya dihubungi seorang wanita memperkenalkan diri sebagai Sabrina kononnya petugas sebuah syarikat insurans pada 18 Oktober tahun lalu.

“Sabrina meminta mangsa membuat pembayaran sebanyak RM70,000 bagi urusan pembelian polisi insurans syarikat tersebut, namun mangsa menafikan yang dia ada membeli polisi berkenaan.

“Suspek kemudiannya mengarahkan mangsa membuat laporan polis sebelum talian tersebut disambung ke Balai Polis Pudu,” katanya.

Beliau memberitahu, mangsa kemudiannya bercakap dengan beberapa individu lagi yang

memperkenalkan diri sebagai Sarjan Adam, Inspektor Mazlan dan Inspektor Yong.

“Dalam perbualan itu, mangsa dimaklumkan kononnya terdapat waran tangkap ke atasnya kerana terlibat dalam jenayah pengubahan wang haram dan kes pembunuhan.

“Mangsa kemudian menafikan penglibatan dalam kes tersebut,” jelasnya.

Beliau berkata, mangsa kemudian dihubungi seorang wanita memperkenalkan diri sebagai Puan Mastura yang mendakwa dirinya Timbalan Pendakwa Raya.

“Mastura mendakwa dia boleh membuat penangguhan waran tangkap tersebut dengan syarat mangsa memberi kerjasama kepada pihak polis dan melaporkan aktiviti hariannya.

“Berikutan itu mangsa mengaku telah mendedahkan maklumat akaun bank dan kad debit Bank Islam serta Bank Rakyat selain turut mendedahkan jumlah wang dalam setiap akaun bank termasuk akaun Tabung Haji berjumlah lebih RM1 juta kepada suspek,” katanya.